

EkuiNAS beli 40 peratus kepentingan Exabytes



Menerusi Exabytes, EkuiNAS akan dapat manfaat daripada ekonomi internet yang berkembang pesat pada peringkat global”

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir,
Ketua Pegawai Eksekutif EkuiNAS



➔ Pelaburan kedua syarikat dalam perkhidmatan teknologi

pengehosan web terkemuka yang mempunyai kehadiran dalam berbilang pasaran di Asia Tenggara dan menawarkan khidmat kepada lebih 100,000 pelanggan, termasuk individu, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), syarikat tersenarai awam dan agensi kerajaan.

Kini, syarikat itu ialah pemimpin pasaran di Malaysia dan berada dalam landasan untuk menjadi antara pesaing terbesar di Asia Tenggara bagi perkhidmatan pengehosan web dan awan.

Ketua Pegawai Eksekutif EkuiNAS, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, berkata pihaknya sedang mengembangkan sayap dalam industri perkhidmatan.

“Sejajar dengan mandat EkuiNAS, kami akan melabur dan menggalakkan pertumbuhan syarikat tempatan berpotensi tinggi yang bersedia untuk mencapai skala lebih besar dan bersaing pada peringkat serantau atau global.

“Exabytes adalah contoh terbaik sebuah syarikat yang berpotensi untuk menjadi pemimpin serantau yang boleh menjadikan Malaysia sebagai pusat tumpuan untuk perniagaan dan bakat.

“Menerusi Exabytes, EkuiNAS akan dapat manfaat daripada ekonomi internet yang berkembang pesat pada peringkat global, yang kini bernilai AS\$3.5 trilion,” katanya.

Pacu pertumbuhan

Beliau berkata, pelaburan berkeajaan adalah yang kedua bagi EkuiNAS dalam perkhidmatan teknologi dan ia yakin dengan prospek Exabytes sebagai sebuah syarikat pemudah cara teknologi.

Katanya, Exabytes adalah syarikat dominan dalam tiga pasaran dan mencatat sejarah prestasi kewangan yang konsisten, di samping pertambahan bilangan pelanggan tahun demi tahun.

“Diterajui oleh pengasasnya dan

disokong oleh pasukan pengurusan kanan yang mantap dan berpengalaman, kami yakin bahawa Exabytes akan meneruskan pertumbuhannya memandangkan pasaran global bagi perkhidmatan pengehosan dijangka berkembang pada kadar sembilan peratus setahun, dipacu oleh tahap penembusan internet yang semakin meningkat dan juga pendigitalan perniagaan.

“Kami berharap untuk berganding bahu dengan usahawan Malaysia yang berpotensi tinggi untuk berkongsi wawasannya dalam membawa syarikat ke fasa pertumbuhan yang seterusnya,” katanya.

Teroka pasaran baharu

Menguasai hampir 30 peratus pasaran di Malaysia dan berbekalkan rekod pencapaian perkhidmatan kukuh selama 18 tahun, Exabytes dijangka berkembang maju seiring pertumbuhan industri.

Dalam tempoh tiga tahun lalu,

Exabytes berkembang pantas menerusi penggabungan dan pemerolehan (M&A), sebagai sebahagian daripada rancangan jangka panjang syarikat, yang membolehkannya meluaskan perniagaan dalam segmen berbeza di pasaran tertentu.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Exabytes, Kee Siak Chan, berkata syarikat berharap untuk menggiatkan rancangan untuk terus membina syarikat dan meluaskan perniagaan ke pasaran baharu di rantau Asia Tenggara, dengan sokongan daripada EkuiNAS.

“Kami akan menambah baik pendekatan tempatan terhadap perkhidmatan, teknologi dan pemasaran. Pendekatan ini ternyata berkesan dan membawa kami ke tahap ini sebagai salah sebuah syarikat awan terkemuka di rantau dengan pusat data bertempat di berbilang negara bersama kumpulan sokongan tempatan yang kukuh,” katanya.



EKUINAS

Beli 40 peratus kepentingan Exabytes

Ms.25

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Ekuiti Nasional Bhd (EkuiNAS) membeli kepentingan awal 40 peratus dalam penyedia perkhidmatan pengehosan web dan awan terkemuka, Exabytes Capital Group (Exabytes) bernilai RM44 juta dengan pilihan meningkatkan pegangannya kepada 54 peratus.

Exabytes yang ditubuhkan pada 2001 adalah antara syarikat